

EDISI 3 : MEI – JUN

2025

# BULETIN

PUSAT SUKAN DAN  
KEBUDAYAAN UNIVERSITI



Ketua Editor :

**NOOR FARHANAH BINTI  
MOHAMAD AMIN**

Editor :

**MUHAMMAD NOOR SADDAM BIN  
HUSSIN**

# ISI KANDUNGAN

**UTHM STALLIONS UNGGUL DI KEJOHANAN ASURAN 3.0 (KABADDI) –RAIH GELARAN JUARA KALI KE-18** 4

**PASUKAN BOLA TAMPAR UTHM RAIH NAIB JOHAN KEJOHANAN BORN BORNEO VOLLEYBALL 5.0 MENUPM** 4

**UTHM RAIH EMAS DAN PERAK DI REGATTA KAYAK UPSI KALI KE-16** 5

**GABUNGAN STAF DAN PELAJAR UTHM JUARA SEPAK TAKRAW KKTm SRI GADING** 5

**SWIM AND SAVE: UTHM PERKASA KESELAMATAN AIR DALAM KALANGAN KOMUNITI** 6

**UTHM WAKILI JOHOR DI KEJOHANAN BOLA KERANJANG KEBANGSAAN MABA 2025** 6

**UTHM BAWA PULANG 2 EMAS & 5 GANGSA DI KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA TAMPIN 2025** 7

**UTHM MERIAHKAN SEMARAK HARI BELIA & LIGA SUKAN KOMUNITI BATU PAHAT** 7

**KKP RANGKUL JOHAN KESELURUHAN SUKOL 2025 BUAT KALI KEDUA** 8

**KEDUA“JEJAK KEJAYAAN” BERSAMA DATUK MISBUN SIDEK SUNTIK INSPIRASI MAHASISWA UTHM** 8

**KEJOHANAN SUKAN BANGSA JOHOR DUN SEMARANG** 9

| Category | Sub-category | Value |
|----------|--------------|-------|
| A        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| B        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| C        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| D        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| E        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| F        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| G        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| H        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| I        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| J        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| K        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| L        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| M        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| N        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| O        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| P        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| Q        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| R        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| S        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| T        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| U        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| V        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| W        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| X        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| Y        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |
| Z        | 1            | 10    |
|          | 2            | 10    |
|          | 3            | 10    |










# ISI KANDUNGAN

**UTHM JUARA TVET GOT TALENT 2025, PELAJAR RAIH 14 ANUGERAH POPULAR**

**UTHM BERJAYA TEMPAT KETIGA SEPAK TAKRAW SUKAN BANGSA JOHOR 2025** 15

**UTHM NAIB JOHAN PING PONG LIGA SUKAN KOMUNITI PERINGKAT DAERAH MUAR 2025** 15

**UTHM RANGKUL NAIB JOHAN KEJOHANAN SEPAK TAKRAW SUKAN BANGSA JOHOR DUN PARIT YAANI 2025** 15

**UTHM JUARA LELAKI & TEMPAT KETIGA WANITA DI KEJOHANAN KALAM 5.0 DOMINASI KABADDI DITERUSKAN** 16

**STADIUM NIGHT CHILL & HEALING CETUS KEMERIAHAN MALAM KAMPUS DI UTHM** 16

**UTHM TUNJUK AKSI KOMPETITIF DI VARSITY SEPAK TAKRAW LEAGUE SIRKIT2, TERENGGANU 2025** 17

**PASUKAN CATUR UTHM RAIH PENCAPAIAN CEMERLANG DI 2<sup>ND</sup> MMU CHESS CUP** 17

**UTHM RAIH 6 PINGAT & PECAH 6 REKOD DI VARSITY TRACK AND FIELD CHAMPIONSHIP SIRKIT 2 2025** 18

## UTHM STALLIONS UNGGUL DI KEJOHANAN ASURAN 3.0 (KABADDI) – RAIH GELARAN JUARA KALI KE-18

**UPM | 3 MEI 2025** | Pasukan Kabaddi UTHM telah menyertai Kejohanan Asuran 3.0 (Kabaddi) dengan menghantar penyertaan bagi kategori lelaki dan wanita. Pasukan Kabaddi Lelaki UTHM sekali lagi membuktikan keunggulan apabila muncul Juara Kejohanan, menjadikan kemenangan kali ini sebagai gelaran ke-18 sejak penubuhan pasukan. Sementara itu, Pasukan Kabaddi Wanita UTHM telah memberikan saingan yang hebat namun tidak berjaya melepasi peringkat kumpulan.

Anugerah Individu:

Best Defender of The Tournament – Tharmigan Raj A/L Nadarason (FKEE)

Best Player of The Tournament – Navin A/L Kannan (FKMP)

Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga UTHM Stallions atas pencapaian luar biasa ini. Teruskan kecemerlangan dan semangat juang yang tinggi dalam mengharumkan nama universiti di pentas kejohanan!



## PASUKAN BOLA TAMPAR UTHM RAIH NAIB JOHAN KEJOHANAN BORN BORNEO VOLLEYBALL 5.0 MEN

**JOHOR | 4 MEI 2025** | Pasukan Bola Tampar UTHM telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam Kejohanan Born Borneo Volleyball 5.0 Men bertempat di Dewan Raya Taman Universiti, Skudai dengan pencapaian membanggakan sebagai Naib Johan.

Keputusan Perlawanan:

- UTHM vs EDUJBEE (31–27)
- UTHM vs AVR (27–31)
- UTHM vs BELANGKAS (31–3)

Johan Kumpulan C

Peringkat Kalah Mati:

- Suku Akhir: UTHM vs FLY HIGH (31–19)
- Separuh Akhir: UTHM vs YYDS (31–28)
- Final: UTHM vs AVR (26–31)



Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh pasukan atas semangat juang, komitmen tinggi dan pencapaian membanggakan ini. Teruskan kecemerlangan dan semangat kesukanan!

## UTHM RAIH EMAS DAN PERAK DI REGATTA KAYAK UPSI KALI KE-16

**UPSI | 1-4 MEI 2025 |** Pasukan Kayak UTHM mencatat kejayaan membanggakan di Regatta Kayak UPSI Kali Ke-16 dengan membawa pulang:

🏆 Dragon Boat (Kategori Terbuka) – Emas

🏆♂ Men K2 – Perak

👤 Mirza Adli Shaharaziz (PPD)

🏆♀ Women TK2 IPT

🏆 Tempat ke-4: Noor Aliyah (FKAAB) & Nor Alya Nadhirah (FKMP)

🏆 Tempat ke-6: Sheryl Henry (FKMP) & Fitrah Zakiah (FSKTM)

Syabas diucapkan kepada semua atlet atas semangat juang dan pencapaian yang membanggakan!



## GABUNGAN STAF DAN PELAJAR UTHM JUARA SEPAK TAKRAW KKTU SRI GADING

**BATU PAHAT | 7 MEI 2025 |** Gabungan pemain sepak takraw pelajar dan staf UTHM telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam Kejohanan Sepak Takraw KKTU Sri Gading 2025 bertempat di Dewan Darul Takzim, KKTU Sri Gading, Batu Pahat dengan pencapaian membanggakan sebagai Johan dan Naib Johan.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh pasukan atas semangat juang, komitmen tinggi dan pencapaian membanggakan ini. Teruskan kecemerlangan dan semangat kesukanan!



## SWIM AND SAVE: UTHM PERKASA KESELAMATAN AIR DALAM KALANGAN KOMUNITI

**UTHM | 10 MEI 2025** | Telah berlangsungnya Program Swim and Save: Keselamatan Air untuk Komuniti telah berjaya dianjurkan dengan penyertaan lebih 30 peserta, terdiri daripada anak-anak staf UTHM dan pelajar sekolah sekitar Batu Pahat. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta kemahiran keselamatan di dalam air dalam kalangan komuniti.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Abu Ubaidah bin Shamsudin, Timbalan Pengarah (Jaringan Industri dan Kerjasama Universiti), Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat. Turut hadir ialah YBrs. Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti, UTHM.

Semoga program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi melahirkan komuniti yang celik keselamatan air serta memiliki kemahiran asas penyelamatan diri.



## UTHM WAKILI JOHOR DI KEJOHANAN BOLA KERANJANG KEBANGSAAN MABA 2025

**KUALA LUMPUR | 5 – 11 MEI 2025** | Pasukan Johor yang disertai wakil UTHM telah menyertai 29th MABA/MATRIX Cup National Basketball Championship pada 5–11 Mei 2025 di Stadium MABA, Kuala Lumpur, melibatkan 10 pasukan negeri.

Pencapaian:

- 🏀 3x3 – Naib Johan
- 🏀 5v5 – Tempat ke-5

Wakil UTHM dalam pasukan Johor:

- Ts. Dr. Shahrin Hisham Amirnordin (FKMP) – Pegawai Pasukan
- Danial Zikry Mahiran (FKMP) – Pegawai Pengiring
- Steve Siaw Kwok Cheng (FKMP) – Pemain (#7)

Tahniah diucapkan kepada seluruh pasukan Johor dan warga UTHM atas penglibatan dan komitmen yang membanggakan!



## UTHM BAWA PULANG 2 EMAS & 5 GANGSA DI KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA TAMPIN 2025

**TAMPIN, NEGERI SEMBILAN | 10-12 MEI 2025** | Pasukan Memanah UTHM cemerlang di Kejohanan Memanah Terbuka Indoor Piala YB Parlimen Tampin 2025 dengan kutipan 2 emas & 5 gangsa, berlangsung di Kompleks Arena, Dataran Tampin.

Pingat Emas (🥇):

- 🏹 Recurve Men Team
  - Muhammad Fakhru Radhi (FTK)
  - Muhammad Syahmi (FPTV)
  - Izzat Bashir (PPD)
- 🏹 Compound Women Team
  - NurHazwani Hadhirah (FKEE)

Pingat Gangsa (🥈):

- 🏹 Recurve Men Qualification – Muhammad Fakhru Radhi (FTK)
- 🏹 Recurve Men Elimination – Izzat Bashir (PPD)
- 🏹 Gabungan UTHM – Muhamad Zulhanif (FKAAB)
- 🏹 Recurve Women Team – Anis Saffiyya (FTK)
- 🏹 Compound Women Qualification – NurHazwani Hadhirah (FKEE)
- 🏹 Compound Women Elimination – NurHazwani Hadhirah (FKEE)



Syabas kepada semua atlet atas pencapaian membanggakan ini!

## UTHM MERIAHKAN SEMARAK HARI BELIA & LIGA SUKAN KOMUNITI BATU PAHAT

**UTHM | 17 Mei 2025** | Majlis Perasmian Semarak Hari Belia dan Liga Sukan Komuniti Peringkat Daerah Batu Pahat berlangsung meriah di UTHM, dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid.

Program ini memperkukuh hubungan komuniti dan menyemarakkan semangat belia melalui pelbagai aktiviti sukan dan riadah bersama masyarakat setempat.



## KKP RANGKUL JOHAN KESELURUHAN SUKOL 2025 BUAT KALI KEDUA

**PAGOH | 17 – 18 MEI 2025** | Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Antara Kolej Kediaman (SUKOL) 2025 telah berlangsung meriah dan disempurnakan oleh YB Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh, Exco Kerajaan Negeri Johor.

Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKP) dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan selepas meraih 13 pingat emas, 6 perak dan 13 gangsa – kejayaan kali kedua buat mereka dalam sejarah SUKOL.

Turut hadir ialah Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq, Prof. Dr. Afandi bin Ahmad, Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh dan para pengetua kolej kediaman UTHM.

Kejohanan dua hari ini menyaksikan semangat kesukanan dan kerjasama tinggi dalam kalangan pelajar, selari dengan matlamat pembangunan holistik mahasiswa universiti.



## “JEJAK KEJAYAAN” BERSAMA DATUK MISBUN SIDEK SUNTIK INSPIRASI MAHASISWA UTHM

**PAGOH | 18 Mei 2025** | Jejak Kejayaan: Program Eksklusif Bersama YBhg. Datuk Dr. (K) Mohmed Misbun bin Dato' Haji Mohd Sidek telah berlangsung dengan jayanya di Dewan A9, Kolej Kediaman Kampus Cawangan Pagoh, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Berbahagia Prof. Dr. Afandi bin Ahmad, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh; Yang Berusaha Sr. Dr. Anuar bin Mohd Salleh, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan; Yang Berusaha Dr. Mohd Nizam bin Attan, Pengetua KKDK merangkap Pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman; Yang Berusaha Ts. Dr. Md Norrizam bin Mohmad Ja'at @ Mohd Noh, Pengetua KKKP; Yang Berusaha Puan Noreina binti Kepal @ Nasir, Pengetua KKLK; serta Yang Berusaha Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali selaku moderator program.

Sepanjang program ini, para peserta telah berpeluang mendengar sendiri pengalaman hidup, cabaran serta nasihat bermakna daripada tokoh sukan negara, Datuk Dr. (K) Misbun Sidek. Pengisian ini bukan sahaja memberi inspirasi kepada para pelajar, malah menyuntik semangat untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan sukan.

Semoga penganjuran program seumpama ini dapat memberikan impak positif dalam membentuk sahsiah unggul dan daya tahan dalam kalangan pelajar UTHM ke arah melahirkan profesional holistik



## KEJOHANAN SUKAN BANGSA JOHOR DUN SEMARANG

**BATU PAHAT | 25 Mei 2025** | Pasukan Bola Jaring UTHM muncul juara dalam Kejohanan sempena Sukan Bangsa Johor DUN Semarang 2025. Kejayaan ini mencerminkan usaha gigih pasukan dan menjadi platform persediaan menghadapi kejohanan akan datang. Syabas kepada semua atlet atas komitmen tinggi dalam mengharumkan nama universiti.



## FUTSAL UTHM UJI AKSI HADAPI LIGA PREMIER IPT

**PASIR GUDANG | 25 MEI 2025** | Pasukan Futsal UTHM mengadakan perlawanan ujian menentang SUKMA Johor U20 di Stadium Bandaraya Pasir Gudang sebagai persiapan menghadapi Fasa 2 Liga Premier Futsal IPT.

Beberapa aksi persahabatan turut dirancang bagi memperkukuh prestasi pasukan menjelang saingan utama.



## UTHM JAYAKAN KEM PRA MUSIM BOLA SEPAK MENJELANG LIGA DIVISYEN 2 IPT

**CHERAS | 23-25 MEI 2025** | Pasukan Bola Sepak Pelajar UTHM telah menjalani Kem Pra Musim intensif pada 23 hingga 25 Mei 2025 di Ulu Pudu, Cheras sebagai persiapan menghadapi Liga Bola Sepak Divisyen 2 IPT yang bakal bermula Jun ini.

Kem ini memberi tumpuan kepada aspek teknikal dan taktikal serta pendedahan kepada sistem latihan moden. Latihan dikendalikan oleh Coach Sulaiman Hussin, Pengarah Teknikal Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur, dengan sokongan jurulatih pembangunan KL City.

Seramai 20 pemain dan 4 jurulatih terlibat dalam kem tersebut, yang turut menyaksikan perlawanan ujian menentang skuad Piala Presiden KL City. Perlawanan itu berakhir dengan keputusan seri 2-2, sekali gus memberi penilaian awal terhadap tahap kesiapsiagaan pasukan.

Diharapkan usaha ini dapat membentuk pasukan yang lebih mantap dan kompetitif dalam mengharungi saingan Liga Divisyen 2 IPT 2025.



## UTHM JUARA KESELURUHAN KARNIVAL PENCAK SILAT 5X5 ANTARABANGSA 2025

**PASIR GUDANG | 23–25 MEI 2025** | Pasukan Pencak Silat UTHM muncul Juara Keseluruhan dalam Karnival Pencak Silat 5X5 Jemputan Antarabangsa 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna TMIYC, Pasir Gudang. Kontinjen UTHM membawa pulang 2 emas, 3 perak dan 5 gangsa hasil persembahan mantap para atlet.

Pingat Emas:

- Tanding Putra Dewasa 5x5: Muhammad Azrin Shah, Farish Izhar, Nas Amirul Mustaqem, Muhammad Alauddin
- Regu Putri Dewasa: Siti Nur Nadhirah, Nur Syazwina, Nurin Haziqah

Pingat Perak:

- Ganda Putri Dewasa: Siti Nur Nadhirah, Nuraina Syuhada
- Solo Kreatif Putri Dewasa: Nur Athirah
- Solo Kreatif Putra Dewasa: Muhammad Hasif Syahmi

Pingat Gangsa:

- Ganda Putra Dewasa: Muhammad Nur Aidil Fitri, Muhd Siraj Faqihi
- Solo Kreatif Putri Dewasa: Nur Syazwina
- Regu Putra Dewasa: Shahrizat, Muhammad Imran Hafidz, Mus'ad Adzim Hakimi
- Tunggal Putri Dewasa: Intan Nurfarzana
- Solo Kreatif Putra Dewasa: Muhammad Faris Hakim



## PERHIMPUNAN KECERGASAN BIL. 3/2025

**UTHM | 28 MEI 2025** | Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti dengan kerjasama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi telah menganjurkan Perhimpunan Kecergasan Bil. 3/2025 iaitu pelaksanaan acara Fun Run 5KM pada bertempat di Padang Kawad. Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan universiti dalam memupuk budaya kecergasan dan kesedaran terhadap kepentingan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kampus.

Sepanjang laluan sejauh lima kilometer, peserta menikmati suasana santai dan ceria sambil menjalani aktiviti fizikal yang menyihatkan.

Perhimpunan ini bukan sahaja bertujuan untuk menyokong kesejahteraan fizikal dan mental, tetapi juga untuk memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan warga UTHM.

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menjayakan program ini. Semoga usaha seperti ini dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa akan datang demi kesejahteraan bersama.



## PELAJAR UTHM RAIH TEMPAT KELIMA PERLUMBAAN BASIKAL JALAN RAYA ANTARABANGSA DI BALING

**BALING | 31 MEI 2025 |** Perlumbaan basikal jalan raya sejauh 73 kilometer dari Pejabat Daerah Baling ke Puncak Inas berjaya menarik lebih 500 pelumba dari seluruh Malaysia serta negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut mencatat pencapaian membanggakan apabila Saudara Muhammad Luqman bin Zulkarnain dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) berjaya meraih tempat kelima dalam kategori MTB Man Open.

Laluan berbukit yang mencabar dan pendakian curam ke Puncak Inas menjadikan perlumbaan ini sebagai medan sebenar menguji kekuatan fizikal dan teknik kayuhan setiap peserta. Syabas diucapkan kepada Muhammad Luqman atas pencapaian membanggakan ini.



## ATLET UTHM CEMERLANG DALAM PERLUMBAAN MTB LASAK DI FELDA ULU PENGGELI

**BANDAR TENGGARA | 31 MEI 2025 |** Perlumbaan basikal lasak (MTB) sejauh 35 kilometer telah berlangsung di kawasan hutan dan kebun sawit Felda Ulu Penggeli pada 31 Mei 2025. Acara ini menarik penyertaan lebih daripada 400 peserta yang datang dari Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Encik Mohd Bahtiar bin Mohd Basri dari FKAAB berjaya merangkul tempat kedua dalam kategori Heavy Weight 95kg, manakala Encik Kamarul Qawiem bin Md. Som dari PPM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), pula meraih tempat ke-50 dalam kategori Man Master A.

Perlumbaan ini mencabar ketahanan fizikal dan kemahiran menunggang basikal di pelbagai jenis laluan yang berliku-liku dan mencabar, sekaligus menjadi platform terbaik untuk para atlet MTB menunjukkan kehebatan mereka.



## POLITEKNIK MALAYSIA JUARA SOUTHERN UNI STAR ESPORTS TOURNAMENT 2025

**TEBRAU | 31 Mei – 1 Jun 2025** | Pasukan Politeknik Malaysia muncul juara dalam Southern Uni Star Esports Tournament 2025, diikuti USM (naib johan) dan Mitec X Arcade (tempat ketiga).

Sebagai juara, mereka membawa pulang trofi, pingat, wang tunai RM3,000 serta hadiah tajaan. Kejohanan anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti dengan kerjasama Maxis Broadband Sdn. Bhd. dan AEON Mall Tebrau City ini berlangsung selama dua hari dan menghimpunkan pelajar IPT dari seluruh negara.

Majlis penutupan diserikan dengan kehadiran En. Mazlan Mokhtar (Ketua Wilayah Selatan Maxis), Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh (Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti), serta wakil penaja dan rakan strategik.



## MAJESTIC JOHOR FESTIVAL (MJF) PERINGKAT DAERAH BATU PAHAT 2025

**BATU PAHAT | 31 MEI – 1 JUN 2025** | Majlis Perasmian Majestic Johor Festival (MJF) Peringkat Daerah Batu Pahat 2025 dan International Muzik Festival 2025 telah berlangsung meriah di Dataran Penggaram, dirasmikan oleh Tuan Mohammad Nazrul Abdul Rahim, Pengarah Tourism Johor.

Festival anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan Universiti dan Kelab Warisan UTHM dengan kerjasama Tourism Batu Pahat itu menghimpunkan 9 kumpulan muzik dari Nigeria, North Sudan, Brunei, Indonesia dan Malaysia, dengan lebih 23,000 pengunjung hadir menyaksikan persembahan antarabangsa. Turut diadakan ialah International Muzik & Food Festival (27 Mei – 1 Jun), melibatkan penyertaan pelbagai agensi seperti FAMA dan Agromas, menampilkan juadah dan aktiviti kebudayaan pelbagai negara. Antara tetamu kehormat ialah Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid, Tuan Mohd Farid Kassim, dan YB Tuan Haji Onn Abu Bakar. Kelab Warisan UTHM turut dipuji atas pengurusan profesional festival bertaraf antarabangsa ini.



## UTHM CEMERLANG DI KULAI EPIC JAMBOREE 2025: 5 ATLET TAWAN LALUAN LASAK ANTARABANGSA

**KULAI | 1 JUN 2025** | Kulai Epic Jamboree 2025 berjaya menghimpunkan 580 peserta dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina, menawarkan cabaran sejauh 100km dan 40km merentasi laluan berbukit dan mencabar.

### Kulai Epic 100km

- Dr. Mohd Zulfadli bin Rozali (FPTV) – Tempat ke-10 (Man Master B)
- Ts. Zamri bin Md. Emrin (PPP) – Tempat ke-14 (Man Veteran)
- Muhammad Iz Arfan bin Md. Daud (FKMP) – Tempat ke-9 (Man Open)

### Kulai Jamboree 40km

- En. Azmil bin Md. Tahir (PPP) – Tempat ke-13 (Man Master A)
- En. Ahmad Nasrull bin Mohamed (I²E) – Tempat ke-13 (Man Master B)

Acara ini bukan sekadar perlumbaan, malah mempererat semangat kesukanan dan persahabatan rentas sempadan.



## UTHM RAIH PINGAT DI KEJOHANAN ROWING SEA 2025 DI THAILAND

**RAYONG, THAILAND | 1–4 JUN 2025** | Kontinjen UTHM mencatat pencapaian membanggakan di 2025 Southeast Asian Rowing Championships, meraih 1 pingat perak dan 1 gangsa dalam kejohanan berprestij ini.

### Pingat Perak 🥈

- Lightweight Men Coxless Pair (LM2-) Arif (ALUMNI) & Chan Yu Xuan (FKEE) – 7:37.27

### Pingat Gangsa 🥉

- Lightweight Women Double Scull (LW2X) Nurul Amira (FTK) & Nur Dinie Izzati (FKMP) – 8:53.95

### Keputusan Lain (Final A, 2000m):

- Men Single Scull (M1X): Ahmad Faiz (FKAAB) – Tempat ke-4
- Men Double Scull (M2X): Alimin (ALUMNI) & Ahmad Faiz – Tempat ke-5
- Lightweight Women Single Scull (LW1X): Nurzarinah (FSKTM) – Tempat ke-6
- Women Double Scull (W2X): Nur Afiqah Zamia (FPTV) & Tee Yen Shin (FKAAB) – Tempat ke-5



## UTHM FC SEDIA BERAKSI DI LIGA IPT DIVISYEN 2

**UTHM | 11 JUN 2025 |** Majlis Pelancaran Jersey dan Penyerahan Bendera kepada pasukan bola sepak UTHM FC telah berlangsung menjelang saingan Liga IPT Divisyen 2 yang akan bermula 13–20 Jun 2025 di UiTM Arau, Perlis.

Majlis ini turut menyaksikan pelancaran jersi baharu pasukan hasil tajaan Koperasi UTHM Berhad, simbolik kepada sokongan berterusan dalam pembangunan bola sepak universiti.

Pasukan UTHM FC kini bersedia untuk bersaing setelah berjaya muncul juara Liga IPT Divisyen 3 musim lalu, sekali gus melayakkan diri ke divisyen yang lebih tinggi.

Selamat maju jaya diucapkan kepada seluruh pasukan – semoga terus membawa nama UTHM ke persada lebih gemilang!



## UTHM JUARA TVET GOT TALENT 2025, PELAJAR RAIH ANUGERAH POPULAR

**MELAKA | 13 JUN 2025 |** Pasukan Kebudayaan UTHM mencipta sejarah apabila menyapu bersih kejuaraan dalam Pertandingan TVET Got Talent 2025 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi sempena Hari TVET Negara di MITC, Melaka.

Pasukan Karisma Tari Teater UTHM menjuarai Kategori Berkumpulan melalui persembahan tarian kreatif, manakala Wan Hariz Zikry bin Wan Ahmad (FPTV) memenangi Kategori Solo dengan lagu Sedetik Lebih, serta turut dinobatkan sebagai Peserta Paling Popular.

Pertandingan ini menampilkan 10 finalis terbaik daripada 120 penyertaan institusi TVET seluruh negara, disaksikan lebih 1,000 penonton. Turut hadir, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, yang menyempurnakan penyampaian hadiah.

Senarai pelajar UTHM:

- Muhammad Ihsan bin Sofri (FPTV)
- Alif Hakimi bin Hazrul Nazly (FSKTM)
- Nira Nabilah Baqiah binti Abu Bakar (FKAAB)
- Mahathir bin Mohd Akhar (FPTV)
- Nur Alyaa' Syafiah binti Alimin (FSKTM)
- Aiman Syauqie bin Razali (FKMP)
- Siti Syazlin binti Bahrol (FKMP)
- Razita Ridhwah binti Razlan (FKEE)
- Caleybrenna Henry (FKEE)
- Nuzul Shadikin binti Dingil (FKAAB)
- Wan Hariz Zikry bin Wan Ahmad (FPTV)



## UTHM BERJAYA TEMPAT KETIGA SEPAK TAKRAW SUKAN BANGSA JOHOR 2025

**BATU PAHAT | 14 Jun 2025** | Pasukan gabungan pemain pelajar dan staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengharumkan nama universiti apabila meraih tempat ketiga dalam Kejohanan Sepak Takraw Sukan Bangsa Johor DUN Parit Raja 2025 yang berlangsung di Dewan SK Pintas Puding, Parit Raja.

Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan kekuatan pasukan dari segi teknikal dan taktikal, malah turut menggambarkan komitmen tinggi serta kerjasama erat antara pelajar dan staf universiti.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh pasukan atas usaha gigih ini. Semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat untuk terus cemerlang dan melakar lebih banyak kejayaan dalam kejohanan akan datang.



## UTHM NAIB JOHAN PING PONG LIGA SUKAN KOMUNITI PERINGKAT DAERAH MUAR 2025

**MUAR | 14 Jun 2025** | Pasukan Ping Pong pelajar UTHM meraih Naib Johan dalam Liga Sukan Komuniti Daerah Muar 2025 di Kompleks Sukan Maktab Teknik PDRM, membawa pulang pingat perak dan RM200. Persembahan bertenaga dan semangat berpasukan menjadi kunci kejayaan. Tahniah kepada pasukan atas pencapaian membanggakan ini!



## UTHM RANGKUL NAIB JOHAN KEJOHANAN SEPAK TAKRAW SUKAN BANGSA JOHOR DUN PARIT YAANI 2025

**BATU PAHAT | 15 Jun 2025** | Pasukan gabungan pelajar dan staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih Naib Johan dalam Kejohanan Sepak Takraw Sukan Bangsa Johor DUN Parit Yaani 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Panchor.

Kejayaan ini membolehkan pasukan membawa pulang hadiah wang tunai RM300, pingat, dan sijil penghargaan sebagai pengiktirafan atas pencapaian cemerlang.

Syabas diucapkan kepada seluruh pasukan atas semangat juang, komitmen dan dedikasi tinggi yang ditunjukkan sepanjang kejohanan. Teruskan kecemerlangan demi mengharumkan nama UTHM di persada sukan!



## UTHM JUARA LELAKI & TEMPAT KETIGA WANITA DI KEJOHANAN KALAM 5.0 DOMINASI KABADDI DITERUSKAN

**USM | 16 Jun 2025** | Pasukan Kabaddi UTHM terus menunjukkan kehebatan dengan menjuarai Kejohanan Kalam 5.0 kategori lelaki buat kali ke-19, mengekalkan dominasi mereka dalam sukan ini. Pasukan wanita UTHM juga berjaya meraih tempat ke-3, membuktikan kekuatan kedua-dua jentera lelaki dan wanita universiti ini.

Selain itu, beberapa pemain UTHM menerima anugerah individu, termasuk Yogendren A/L Subramani sebagai Best Defender, Navin A/L Kannan sebagai Best Player, dan Dinesh Selvaraju sebagai Best Raider, semuanya dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP).

Kejayaan ini mencerminkan dedikasi dan latihan berterusan pasukan dalam memperkukuh prestasi serta semangat kesukanan. Tahniah kepada seluruh atlet dan jurulatih yang telah mengharumkan nama UTHM di pentas kabaddi! Teruskan kecemerlangan!



## STADIUM NIGHT CHILL & HEALING CETUS KEMERIAHAN MALAM KAMPUS DI UTHM

**UTHM | 20 JUN 2025** | Buat julung kalinya, Stadium UTHM bergema dengan kemeriahan Stadium Night Chill and Healing yang menyatukan warga kampus dalam satu malam penuh hiburan, santai dan kebersamaan!

Antara aktiviti yang menceriakan malam tersebut termasuk persembahan KARISMA Band Muzik Kebudayaan UTHM yang memukau, sesi aerobik dan aerodance yang bertenaga, mini games yang menghiburkan serta deretan jualan dan foodtruck.

Sambutan luar biasa daripada pelajar dan staf UTHM membuktikan program ini berjaya mencipta satu ruang santai yang menyeronokkan dan menyegarkan minda. Semoga ini menjadi permulaan kepada lebih banyak program chill & healing di masa akan datang



## UTHM TUNJUK AKSI KOMPETITIF DI VARSITY SEPAK TAKRAW LEAGUE SIRKIT 2, TERENGGANU 2025

**TERENGGANU | 24-29 JUN 2025** | Pasukan Sepak Takraw UTHM mempamerkan semangat juang tinggi dalam saingan Varsity Sepak Takraw League (Sirkuit 2) yang berlangsung di Kompleks Sukan Negeri Terengganu.

### Acara Regu

Pasukan UTHM (A) muncul Naib Johan Kumpulan selepas tewas kepada KKMAS (B) dan bangkit menewaskan USAS (B). Namun, perjuangan mereka terhenti di Pusingan Kedua selepas tewas kepada IUM (A). Pasukan UTHM (B) pula terkandas di peringkat kumpulan selepas dua kekalahan berturut-turut.

### Acara Beregu (Double)

UTHM (A) bermula cemerlang dengan kemenangan ke atas KPTM (B), namun tewas kepada UPM (B). Mereka mara ke Pusingan Kedua, tetapi tewas kepada USAS (B). Pasukan UTHM (B) gagal mara selepas tewas dalam kedua-dua perlawanan kumpulan.

Walaupun gagal ke peringkat akhir, penyertaan ini membuktikan daya saing dan komitmen pasukan UTHM dalam arena takraw IPT. Tahniah di atas usaha berpasukan dan semangat juang!



## PASUKAN CATUR UTHM RAIH PENCAPAIAN CEMERLANG DI 2<sup>ND</sup> MMU CHESS CUP

**MELAKA | 29 JUN 2025** | Pasukan catur UTHM mencatatkan kejayaan membanggakan dalam 2nd MMU Chess Cup yang berlangsung di Dewan Peperiksaan MMU Melaka.

### Kategori Terbuka

Empat pemain UTHM berjaya menempatkan diri dalam kelompok 20 terbaik:

- 🏆 Mohd Hamizan bin Abdullah (FPTV) – Tempat ke-4
- 🏆 Muhammad Aliff Zuhairi bin Ariffin (FKEE) – Tempat ke-6
- 🏆 Yong Qing Sheng (FKEE) – Tempat ke-9
- 🏆 Tan You Ming (FKEE) – Tempat ke-19


### Kategori IPT

- 🏆 Muhammad Abdul Azim bin Sukri (FKEE) dinobatkan Juara

### Kategori Wanita

- 🏆 Nur Natasha binti Abu Azman (FKAAB) – Tempat ke-2

Tahniah kepada semua wakil UTHM atas pencapaian cemerlang! Teruskan prestasi hebat di kejohanan akan datang!



## UTHM RAIH 6 PINGAT & PECAH 6 REKOD DI VARSITY TRACK AND FIELD CHAMPIONSHIP SIRKIT 2 2025

**UniSA | 26–29 JUN 2025** | Pasukan Olahraga UTHM menampilkan aksi luar biasa di Varsity Track and Field Championship (Sirkuit 2) 2025 yang berlangsung di Kompleks Sukan UniSA, Terengganu. UTHM membawa pulang 6 pingat (3 Perak, 3 Gangsa), memecahkan 5 rekod sedia ada dan mencipta 1 rekod baharu dalam sejarah penyertaan mereka.

### Pingat Perak:

- Lompat Bergalah (L): Muhammad Aniq Aqil (FPTV)
- Decathlon: Muhammad Zuhairi (FPTV)
- Heptathlon: Vianeybanu Junin (FPTP)

### Pingat Gangsa:

- Lompat Bergalah (L): Muhammad Zuhairi (FPTV)
- Heptathlon: Nurul Athilah Iwana (FPTV)
- 4x100m Campuran: Nurul Athilah (FPTV), Vianeybanu (FPTP), Nur Zaim (PPD), Zulluqman (FTK)

### Rekod UTHM Diperbaharui:

- Lempar Cakera (W): Sitty Aisyah (FKMP) – 22.46m
- 200m (W): Nurul Athilah (FPTV) – 28.29s
- Heptathlon: Vianeybanu (FPTP) – 2934 mata
- 110m Berpagar (L): Muhammad Izhar (FKAAB) – 15.76s
- 4x100m Campuran – 47.97s

### Rekod Baharu:

- Baling Tukul Besi (W): Rachel Anne (FAST) – 17.91m

Tahniah kepada pasukan olahraga UTHM atas pencapaian gemilang!





Diterbitkan oleh :

BAHAGIAN KORPORAT DAN FASILITI  
PUSAT SUKAN DAN KEBUDAYAAN UNIVERSITI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Tel.: 07 - 4537479

Fax: 07 - 4536581

---

## ***IKUTI MEDIA SOSIAL KAMI :***



Pusat Sukan dan Kebudayaan

Universiti – UTHM



@psku\_uthm



@psku\_uthm



[psku.uthm.edu.my](http://psku.uthm.edu.my)

